

MODUL 16 - PERAKAUNAN KOS

1. Pernyataan yang manakah menerangkan kos berubah?

- A Belanja yang berkadar terus dengan perubahan volum pengeluaran
- B Belanja yang berkadar songsang dengan perubahan volum pengeluaran
- C Belanja yang tetap dan berubah mengikut perubahan volum pengeluaran
- D Belanja yang tidak dipengaruhi oleh perubahan volum pengeluaran

SPM 2008

2. Data berikut diperoleh daripada Kilang Kasut Zebna.

	RM
Gaji pekerja pengeluaran	18 000
Kos bahan langsung	35 000
Belanja susut nilai mesin	40 500
Barang siap	25 600

Berapakah jumlah kos pengeluaran?

- A RM67 900
- B RM78 600
- C RM93 500
- D RM119 100

SPM 2008

3. Apakah tujuan Akaun Pengeluaran disediakan?

- A Merancang proses pengeluaran
- B Mengira untung atau rugi pengeluaran
- C Menunjukkan kos yang terlibat dalam pengeluaran
- D Menyatakan kedudukan kewangan firma pengeluaran

SPM 2009

4. Maklumat berikut ialah kos yang terlibat dalam pengeluaran biskut LITE.

Kos berubah per unit	RM0.80
Jumlah kos tetap	RM4 000.00

Berapakah untung yang diperoleh jika 12 000 unit biskut LITE dijual pada harga RM1.20 seunit?

- A RM10 400
- B RM5 600
- C RM4 800
- D RM800

SPM 2009

5. Apakah maklumat yang boleh didapati apabila seorang pengurus membuat titik pulang modal?

- A Jumlah unit yang hendak dikeluarkan bagi memaksimumkan penggunaan mesin
- B Jumlah unit yang perlu dikeluarkan untuk memenuhi permintaan
- C Jumlah jualan yang perlu dicapai untuk mendapat keuntungan
- D Jumlah jualan yang perlu dibuat bagi menstabilkan harga

SPM 2010

6. Pusat Kecantikan Atiqah menawarkan perkhidmatan rawatan muka yang berasaskan minyak aroma. Kos yang terlibat dalam perkhidmatan tersebut adalah seperti berikut:

	RM
Harga jualan seunit	45
Kos berubah seunit	30
Kos tetap	2 400

Berapakah bilangan perkhidmatan yang perlu diberikan sekiranya kos tetap meningkat sebanyak 25%

- A 120 unit
- B 160 unit
- C 200 unit
- D 280 unit

SPM 2010

7. Kilang pakaian Artek Garment Sdn. Bhd. membayar gaji pengurus kilang sebanyak RM3 500 sebulan. Apakah perbelanjaan tersebut?

- A Kos buruh langsung
- B Belanja langsung
- C Kos overhead
- D Kos prima


SPM 2012

8. Pernyataan manakah yang menerangkan kos tetap?

- A Kos bahan mentah adalah kos tetap
- B Kos yang berkadaran dengan tingkat pengeluaran
- C Kos yang malar walaupun tingkat pengeluaran sifar
- D Kos tetap tidak berubah dalam jangka panjang

SPM 2011

9. Graf Titik Pulang Modal berikut diperoleh daripada sebuah kilang sabun.



Berapakah kos tetap pada tingkat pengeluaran 3 000?

- A RM25 000
- B RM40 000
- C RM43 000
- D RM48 000

SPM 2011

Soalan 10 dan Soalan 11 adalah merujuk kepada maklumat yang diambil dari buku perniagaan Encik Azam, seorang pengeluar.

	RM
Kos berubah 100 unit	800
Harga jualan seunit	20
Kos tetap	3 000

10. Berapakah margin caruman seunit?

A RM36
B RM28
C RM12
D RM8

SPM 2012

11. Berapakah titik pulangan modalnya?

A RM1 800
B RM4 200
C RM5 000
D RM7 500

SPM 2012

12. Maklumat berikut adalah kos yang terlibat dalam pengeluaran perabot oleh Jati Enterprise bagi tahun berakhir 31 Disember 2012.

	RM
Bahan langsung	359 000
Upah buruh langsung	62 000
Sewa kilang	24 000
Kadar bayaran kilang	18 000

Berapakah jumlah kos prima?

A RM463 000
B RM421 000
C RM401 000
D RM379 000

SPM 2013

13. Mahkamah mengarahkan Juasa Berhad, sebuah syarikat pengeluar kasut menghentikan sementara operasinya selama sebulan kerana kesalahan alam sekitar.

Apakah jenis kos yang perlu ditanggung oleh syarikat tersebut?

A Kos tetap
B Kos berubah
C Kos pengeluaran
D Kos bahan mentah

SPM 2013

14. Apakah tujuan Akaun Pengeluaran disediakan?

A Mengira kos belian
B Mencari untung bersih
C Memperoleh untung kasar
D Menghitung jumlah kos pengilangan

SPM 2013

15. Maklumat berikut berkaitan kos pengeluaran kerepek oleh Orang Desa Enterprise.

Kos Tetap	RM20 000
Harga Jualan	RM2 sekilogram
Margin caruman	RM5 sekilogram

Berapakah titik pulang modal sekiranya kos tetap meningkat sebanyak RM10 000?

- A 2 000 kilogram
- B 6 000 kilogram
- C 12 000 kilogram
- D 15 000 kilogram

SPM 2014

16. Apakah istilah yang digunakan bagi lebihan harga jualan daripada kos berubah?

- A Untung
- B Tokokan
- C Margin caruman
- D Titik pulang modal

SPM 2014

17. Kilang Kek Murni merupakan pembekal kek dan roti di sekitar Bandar Baru Bangi. Antara yang berikut, manakah kos tetap kilang tersebut?

- I. Angkutan masuk bahan langsung
- II. Upah operator pengeluaran
- III. Susut nilai mesin
- IV. Sewa kilang

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

SPM 2014

18. Maklumat berikut berkaitan bahan mentah Perusahaan Sedap Rasa, pengeluar keropok segera.

	RM
Inventori awal bahan langsung	500
Belian bahan langsung	1 000
Angkutan masuk	200
Inventori akhir bahan langsung	700

Berapakah kos bahan langsung?

- A RM1 000
- B RM1 400
- C RM2 000
- D RM2 400

SPM 2014

19. Maklumat berikut diperolehi daripada buku Perniagaan Kembar.

	RM
Kos bahan langsung	18 700
Kos buruh langsung	48 100
Kos overhead	51 200
Kerja dalam proses awal	5 010
Kerja dalam proses akhir	6 250

Berapakah kos pengeluaran?

- A RM106 740
- B RM116 760
- C RM119 240
- D RM129 260

SPM 2015

20. Kos overhead sebuah kilang ialah gaji

- A penyelia pejabat
- B pengurus kilang
- C operator pengeluaran
- D pengawal keselamatan

SPM 2015

21. Maklumat berikut merujuk kepada pengeluaran batik sutera oleh Perusahaan Aini Batik.

	RM
Harga jualan seunit	200
Kos berubah seunit	120
Margin caruman seunit	80
Kos tetap	12 000

Berapakah jumlah batik sutera yang perlu dikeluarkan untuk mendapat keuntungan sasaran sebanyak RM12 000?

- A 120 unit
- B 150 unit
- C 200 unit
- D 300 Unit

SPM 2015

22. Kelab Ekonomi Rumah Tangga sekolah anda berhasrat menjual burger dengan harga RM3.00 sebiju sempena hari keusahawanan.

Kos yang terlibat ialah seperti berikut:

	RM
Sewaan tapak gerai	50.00
Kos sebiju burger	1.00

Berapakah bilangan burger yang perlu dijual untuk mendapat keuntungan sebanyak RM200?

- A 62 biji
- B 125 biji
- C 250 biji
- D 600 biji

SPM 2016

23. Maklumat berikut diambil daripada buku perniagaan sebuah firma pengeluaran pakaian sukan di Kuantan pada 31 Disember 2015.

	RM
Alatan kilang	70 000
Insurans kilang	3 600
Gaji operator kilang	7 500
Sewa kilang	4 400
Elektrik dan air kilang	1 090

Maklumat tambahan:

- III) Alatan kilang disusutnilaikan pada kadar 15% setahun atas kos
- IV) Elektrik dan air kilang belum bayar RM480

Berapakah kos overhead?

- A RM19 110
- B RM20 070
- C RM26 610
- D RM27 090

SPM 2016

24. Maklumat berikut diperoleh daripada Kilang Lina.

Titik Pulang modal	500 unit
Kos tetap	RM1 000
Kos berubah	RM3 seunit

Berapakah harga jualan seunit?

- A RM6.00
- B RM5.00
- C RM3.50
- D RM1.50

SPM 2016

25. Apakah kos prima bagi Kilang Roti Rina?

- I Oven
- II Upah pekerja
- III Tenaga elektrik
- IV Tepung gandum
- A I dan II
- B I dan III
- C II dan IV
- D III dan IV

SPM 2017

26. Kilang Rita telah mengeluarkan kerepek keladi yang dijual di pasaran dengan harga RM4 sepaket. Kos yang terlibat dalam pengeluaran kerepek tersebut adalah seperti berikut:

Kos tetap	RM10 000
Kos berubah	RM1.50
Jumlah pengeluaran	8 000 paket

Berapakah untung sasaran yang diperoleh Kilang Rita?

- A RM10 000
- B RM12 000
- C RM20 000
- D RM30 000

SPM 2017

27. Maklumat berikut diperolehi daripada buku Perniagaan Sutera Biru pada 31 Mei 2017.

	RM
Sewa kilang	3 000
Gaji penyelia kilang	1 500
Kos berubah seunit	150
Harga jualan seunit	250

Berapakah titik pulang modal dalam unit bagi perniagaan berkenaan?

- A 45
B 30
C 20
D 18

SPM 2017

28. Maklumat berikut diperolehi daripada Kilang Kasut Zebna.

	RM
Gaji pekerja pengeluaran	18 000
Kos bahan mentah	35 000
Belanja susut nilai mesin	40 500
Barang siap	25 600

Berapakah jumlah kos pengeluaran?

- A RM67 900
B RM78 600
C RM93 500
D RM119 100

SPM 2017

29. Maklumat berikut diperolehi daripada buku perniagaan Kilang Roti Enak.

Penyata Kos Pengeluaran bagi tahun berakhir 31 Mac 2018	
	RM
Kos V	20 000
Kos W	5 000
Kos Prima	25 000

Apakah Kos V dan Kos W?

	Kos V	Kos W
A	Bahan mentah	Overhed
B	Buruh langsung	Overhed
C	Overhed	Belanja langsung
D	Bahan mentah	Buruh langsung

SPM 2018

30. Maklumat berikut diperolehi daripada Kilang Kasut Best.

	RM
Kerja dalam proses awal	19 500
Kos bahan langsung	183 625
Kos buruh langsung	65 000
Kos langsung	12 750
Kos overhead	38 900
Kerja dalam proses akhir	21 000

Berapakah kos pengeluaran?

- A RM298 775
- B RM300 275
- C RM301 775
- D RM340 775

SPM 2019

31. Maklumat berikut diperolehi daripada Kilang Kek Kasturi yang membekalkan kek lapis di sekitar Lembah Klang.

	RM
Kos tetap	24 000
Kos berubah seunit	12
Harga jualan seunit	18

Berapakah bilangan kek yang perlu dikeluarkan oleh kilang tersebut jika sasaran untungnya ialah RM3 000?

- A 1 500 unit
- B 2 250 unit
- C 4 000 unit
- D 4 500 unit

SPM 2019